

'Najib ada kuasa mutlak'

Bekas PM boleh lantik, pecat bagi pihak syarikat: Pendakwa Raya

Putrajaya: Mahkamah Rayuan semalam diberitahu Datuk Seri Najib Razak mempunyai kuasa mutlak ke atas SRC International Sdn Bhd termasuk pelantikan dan pemecatan pengarah, kerana perlembagaan syarikat membenarkannya.

Timbalan Pendakwa Raya ad-hoc, Datuk V Sithambaram berhujah bahawa peruntukan dalam Memorandum dan Artikel SRC menyatakan tiada sesiapa pun boleh dilantik sebagai pengarah tanpa restu perdana menteri ketika itu.

Sithambaram berhujah demikian di hadapan panel tiga hakim diketuai Hakim Datuk Abdul Karim Abdul Jalil dalam pendengaran rayuan Najib terhadap sabitan dan hukuman penjara kerana penyalahgunaan RM42 juta dana SRC International.

Dua lagi hakim yang menganggotai panel itu ialah Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera.

Sithambaram: Kami menyatakan bahawa Najib mempunyai



Sithambaram (kiri) tiba di pekarangan Mahkamah Persekutuan, Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)

kuasa untuk melantik dan memecat bagi pihak SRC.

Abdul Karim: Bukan ahli lembaga pengarah? Sithambaram menjawab 'tidak'.

Sithambaram juga berkata Najib berkuasa mengawal syarikat dalam kapasitinya sebagai perdana menteri, menteri kewangan dan penasihat emeritus SRC ketika itu.

"Lembaga itu bertindak atas arahan Najib melalui Ketua Pegawai Eksekutif SRC, Nik Faisal Ariff Kamil yang juga 'pelindung' di belakang perayu (Na-

jib)," tambah beliau.

Sithambaram menjelaskan bekas Pengerusi SRC, Tan Sri Ismeem Ismail dan pengarahnya, Datuk Suboh Md Yassin telah memberi keterangan dalam perbicaraan kes itu di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengenai kuasa yang digunakan oleh Najib.

Pembabitian Najib dalam SRC seawal tahun 2011 apabila syarikat itu diperbadankan sebagai syarikat sendirian berhad.

Sithambaram berkata, perlembagaan syarikat itu menyatakan ba-

hawa Najib mesti dirujuk jika keputusan penting tertentu dibuat.

Tambah beliau, pada mulanya syarikat itu menjadi anak syarikat 1MDB dan kemudian diletakkan di bawah Kementerian Kewangan Diperbadankan.

Sithambaram juga berkata, dana SRC berjumlah RM42 juta yang digunakan oleh Najib macam 'kacang je' (mudah diperoleh) bagi bekas perdana menteri itu yang sebelum ini sudah mengambil RM2.6 bilion sumbangan.

"Dalam kes ini, Najib mempunyai kawalan penuh ke atas syarikat (SRC) dan apabila beliau memerlukan wang, beliau mengambilnya. Yang Arif, sebelum itu, beliau telah mengambil RM2.6 bilion, ini hanyalah 'kacang jer' baginya," kata Sithambaram dengan suara yang tinggi.

Tahun lalu, Najib memberi keterangan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang beliau menerima RM2.6 billion sumbangan daripada kerabat diraja Arab Saudi antara 2011 dan 2014.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 28 Julai tahun lalu, menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun kepada Najib dan memerintahkannya membayar denda RM210 juta setelah mendapati dia bersalah atas tujuh tuduhan penyalahgunaan kuasa, pecah amanah dan pengubahan wang haram berkaitan dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd. BERNAMA